

27/05/1997

Lapor jika pemimpin menganiaya

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Isnin - Kerajaan Johor tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pemimpin dan pegawai kerajaan yang melakukan amalan negatif terutama membabitkan kepentingan rakyat.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata rakyat boleh membuat aduan kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap pemimpin dan pegawai terbabit jika mereka teraniaya.

Menurutnya, kerajaan negeri dan parti tidak akan melindungi mereka terbabit dan pihak berkuasa bebas menyiasat berdasarkan aduan yang dibuat mengenainya.

"Jika mereka (rakyat) ada perkara yang boleh dibawa ke tengah, mereka boleh berbuat demikian.

"Biarlah pihak berkuasa yang bertindak dan kerajaan tidak campur tangan untuk melindungi pemimpin atau pegawai terbabit.

"Saya percaya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, juga tidak akan bertolak ansur dengan amalan negatif terutama sekali apabila nama parti dan kerajaan dibabitkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis makan malam meraikan peserta sukan Jabatan Penyiaran di kediaman rasminya di sini, malam tadi.

Turut hadir, Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin; Pengarah Penyiaran kawasan Selatan, Barbara Edmonds; dan Pengerusi Majlis Sukan RTM, Husin Ibrahim.

Kira-kira 500 peserta menghadirinya.

Abdul Ghani mengulas aduan seorang ahli perniagaan di Muar mendakwa seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) menipu syarikatnya RM400,000 berhubung proses penjualan sebidang tanah.

Ahli Lembaga Pengarah Reignstar Corporation Sdn Bhd (Reignstar), Lai Koon Tee, berkata Adun berkenaan yang juga seorang peguam, menipunya ketika dilantik menguruskan penjualan tanah kira-kira dua hektar milik syarikatnya di Kluang, Johor.

Ditanya apakah tindakan kerajaan negeri jika aduan berkenaan benar, Abdul Ghani berkata: "Biarlah perkara itu disiasat polis terlebih dulu.

"Kita akan melihat rumusannya sebelum mengambil sesuatu tindakan".

(END)